

07 FEB 2003

Aman-Malaysia

70,000 MURID DAN GURU DI MELAKA TANDATANGANI AMAN MALAYSIA

MELAKA, 7 Feb (Bernama) -- Kira-kira 70,000 tandatangan daripada murid, guru dan kakitangan sekolah seluruh Melaka berjaya dikumpul bagi menyokong Kempen Sejuta Tandatangan anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (AMAN Malaysia).

Pengarah Jabatan Pendidikan Melaka, Baharom Kamari berkata semua tandatangan itu dikumpul dalam tempoh dua hari, sejak Rabu lepas, setelah sekolah dibuka daripada cuti penggal persekolahan pertama.

"Ini adalah satu sambutan yang amat memberangsangkan untuk menyatakan sokongan rakyat Malaysia terhadap keamanan dunia sejagat," katanya selepas menerima semua tandatangan itu daripada pengetua-pengetua sekolah di pejabatnya, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Kehormat Gerakan Belia 4B Melaka, Abdul Latif Mohamad.

Kempen sejuta tandatangan anjuran AMAN Malaysia itu adalah untuk menyuarkan rasa hati rakyat Malaysia dan membantah terhadap keganasan Amerika Syarikat dan Israel.

Baharom berkata semua tandatangan itu akan diserahkan kepada Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dalam satu majlis pada Sabtu depan.

Sementara itu, Abdul Latif berkata Gerakan Belia 4B di Melaka juga telah berjaya mengumpul 35,000 tandatangan dari warga belia di negeri itu.

"Dengan ini semua tandatangan yang terkumpul berjumlah sebanyak 105,000 tandatangan dan ini melebihi matlamat untuk mengumpul 100,000 tandatangan bagi negeri Melaka," katanya.

Menurutnya semua tandatangan itu akan diserahkan kepada penganjur AMAN Malaysia untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan AMAN Malaysia di Stadium Bukit Jalil, 23 Feb ini.

-- BERNAMA

SBA ZB